

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HST 424 - Kertas Khas dalam Sejarah Indonesia

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN [8] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Selain daripada meruntuhkan penjajahan Belanda sejauh manakah pendudukan Jepun (1942-1945) telah mengubah susunan struktur sosial dan pemerintahan tradisional di Indonesia.
2. Walaupun Belanda dianggap sebagai musuh utama semasa revolusi Indonesia (1945-1950) namun para nasionalis tidak dapat berkerjasama untuk menentang penjajahan Belanda. Jelaskan apakah faktor-faktor yang menyebabkan perpecahan dikalangan para nasionalis pada masa itu.
3. Sejauh manakah sistem demokrasi berparlimen yang diperkenalkan di Indonesia antara 1955-1957 sesuai untuk negara itu?
4. "Demokrasi Terpimpin yang diperkenalkan oleh Sukarno lebih memberi peluang kepada pihak tentera untuk merampas kuasa daripada menguntungkan Sukarno sendiri." Bincangkan.
5. Setelah Indonesia diiktiraf sebagai sebuah negara merdeka pada 1950 negara ini menghadapi beberapa pemberontakan seperti Pemberontakan Aceh 1952, Pemberontakan Permesta 1956 dan Pemberontakan P.R.R.I. 1958. Pilih dua [2] pemberontakan dan bincangkan ciri-ciri persamaan dan perbezaan pemberontakan-pemberontakan yang anda pilih.

.../2

6. Sejauh manakah dasar Ganyang Malaysia (1963-1965) merupakan satu permainan politik Presiden Sukarno semata-mata?
7. Sejauh manakah anda setuju bahawa Gerakan September 30 merupakan satu percubaan Partai Komunis Indonesia untuk merampas kuasa di Indonesia dengan persetujuan Presiden Sukarno?
8. Apakah ciri-ciri Orde Baru (sejak 1965) dan sejauh manakah Orde Baru ini dapat dianggap suatu perubahan daripada Orde Lama?

-oooO00ooo-